



# KENYATAAN AKHBAR

UNTUK PENERBITAN SEGERA

Kuala Lumpur, 15 Julai 2020

## **Kerajaan Malaysia Harus Mempertahankan Hak-Hak Wanita dalam Penyertaan Awam dan Politik**

KRYSS Network mengutuk keganasan dan gangguan berdasarkan gender dalam talian yang telah ditujukan kepada para peserta Parlimen Digital dan menyeru agar kerajaan Malaysia mengambil langkah-langkah serius untuk mempertahankan hak-hak penyertaan awam dan politik secara saksama untuk semua, terutamanya bagi para wanita dan gadis.

KRYSS Network berasa kagum dengan penyertaan para belia dalam "Parlimen Digital", iaitu sebuah acara yang dianjurkan oleh Undi18, Challenger Malaysia dan Liga Rakyat Demokratik, pada 4 dan 5 Julai yang lalu. Banyak masalah yang dirasakan oleh orang muda masa kini yang tidak ditangani dengan baik oleh kerajaan Malaysia dipaparkan dalam acara tersebut. Para belia mempunyai hak untuk mengemukakan isu-isu ini dan mereka mempunyai hak bersuara yang dilindungi di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun, para peserta telah diperlekehkan oleh sebilangan penonton yang membangkitkan isu kelayakan mereka. Walaubagaimanapun, penganjur acara tersebut telah menjelaskan bahawa acara itu adalah untuk menunjukkan bahawa secara teknikal, prosiding Parlimen sebenarnya boleh diadakan secara dalam talian, bahkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan, dan perbahasan yang teratur dan produktif tentang isu-isu penting bagi rakyat masih dapat dijalankan.

KRYSS Network mendapati bahawa keganasan dan gangguan berdasarkan gender dalam talian sebahagian besarnya telah ditujukan kepada peserta-peserta "Yang Berkhidmat" yang terdiri daripada golongan wanita, termasuk peserta-peserta yang mewakili daerah Selayang dan Labis. Serangan-serangan ini terus berlanjutan walaupun acara tersebut telah tamat. Para peserta telah menghadapi pelbagai bentuk keganasan berdasarkan gender dalam talian, termasuk serangan berkumpulan, gangguan seksual, ancaman-ancaman keganasan fizikal dan komen-komen berbau perkauman.

Keganasan berdasarkan gender dalam talian bukanlah satu fenomena baru tetapi ia adalah lanjutan daripada keganasan berdasarkan gender dan kesan negatifnya boleh menjadi sangat teruk. Ia berakar umbi daripada isu-isu yang lebih besar seperti ketidaksaksamaan gender, seksisme dan prejudis terhadap wanita (*misogyny*) yang menghalang kemajuan negara kita. Teknologi digital telah menjadikan keganasan berdasarkan gender berkembang dengan lebih cepat, lebih meluas dan lebih serius. Para wanita seperti ahli politik, wartawan, aktivis hak wanita, feminis, peguam, dan juga artis, telah menjadi sasaran keganasan berdasarkan gender dalam talian. Hakikatnya adalah wanita dan gadis, dengan pelbagai latarbelakang, menghadapi reaksi negatif yang tidak seimbang terhadap penyertaan awam dan politik mereka, secara dalam talian ataupun tidak. Baru-baru ini, dalam Parlimen, ucapan berbau perkauman, diskriminasi berdasarkan warna kulit (*colourism*) dan seksis telah dibuat oleh Ahli Parlimen Baling, YB Abdul Azeez Abdul Rahim terhadap Ahli Parlimen Batu Kawan, YB Kasthuri Patto.

Setelah mengkaji, memantau dan mendokumentasikan keganasan berdasarkan gender dalam talian, KRYSS Network telah mendapati kebiasaannya para pelaku tersebut sama seperti mereka yang membuat kenyataan seksis dan prejudis di luar talian kurang, ataupun tidak memberikan perhatian langsung terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan wanita, dan kelakuan pelaku-pelaku ini juga telah sengaja dirancang untuk memperkecilkan kepentingan penyertaan awam dan politik oleh golongan wanita.

Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) menyatakan dalam Rekomendasi Am No. 35 bahawa teknologi adalah satu faktor yang mengakibatkan keganasan berdasarkan gender terhadap wanita. Pelapor Khas PBB mengenai Keganasan Terhadap Wanita telah mengiktiraf bahawa hubungan antara teknologi dan piawai hak asasi wanita ditandakan serupa dengan pengiktirafan prinsip bahawa hak asasi manusia yang dilindungi di luar talian juga harus dilindungi dalam talian.

Kami menggesa kerajaan agar memandang serius ancaman-ancaman terhadap penyertaan awam dan politik oleh golongan wanita dan kerajaan disarankan untuk menubuhkan satu jawatankuasa antara kementerian di mana mangsa-mangsa wanita dapat melaporkan secara langsung insiden-insiden keganasan dan gangguan berdasarkan gender dalam talian. Program-program pendidikan awam mengenai kesaksamaan gender dan hak penyertaan awam dan politik oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dapat membantu membentuk semula sikap negatif terhadap penyertaan awam dan politik oleh golongan wanita. Kami juga menggesa agar Kementerian Pendidikan memperkenalkan pendidikan hak asasi manusia dan pengajian gender untuk meningkatkan kefahaman dan penghargaan terhadap penyertaan awam dan politik oleh golongan wanita, dan kesaksamaan gender secara umum.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
KRYSS Network  
Emel: [info@kryss.network](mailto:info@kryss.network)